

TARIKH	SELASA, 6 JUN 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	RAMAI PEKERJA BIMBANG TEKNOLOGI AMBIL ALIH TUGAS
M/S	25
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

BH Selasa, 6 Jun 2023

Bisnes

25

Ramai pekerja bimbang teknologi ambil alih tugas

76 peratus pekerja Malaysia, Singapura anggap transformasi digital sebagai ancaman

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@mediaprima.com.my

Kira-kira 76 peratus pekerja di Malaysia dan Singapura bimbang bahawa pekerjaan mereka akan digantikan oleh teknologi, demikian menurut kaji selidik sentimen pekerjaan terkini yang diterbitkan oleh penyedia maklumat ganjaran dan gaji, Employment Hero.

Ia menunjukkan bahawa masih terdapat kebimbangan yang tinggi berhubung penggunaan teknologi dalam industri dan masih banyak yang perlu dilakukan untuk memperbetulkan semula tahap pemikiran pekerja.

Pekerja perlu melihat teknologi sebagai alat yang boleh digunakan untuk manfaat dari segi pekerjaan dan bukannya satu ancaman yang boleh menyebabkan mereka berasa tidak lagi diperlukan.

Kaji selidik itu mendapatkan maklum balas daripada lebih 300 responden dalam industri perkhidmatan profesional dari 4 hingga 15 April lalu.

Pengarah Urusan Asia Employment Hero, Kevin Fitzgerald, berkata industri perkhidmatan profesional sudah berubah secara radikal dan firma di Malaysia

serta Singapura perlu melaksanakan transformasi digital memandangkan pelanggan kini mahu mendapatkan perkhidmatan yang lebih komprehensif dan khusus.

Kos buruh lebih tinggi

"Kami mendapati bahawa cabaran terbesar yang dihadapi pelanggan ketika ini adalah kesukaran aliran tunai dan kos buruh lebih tinggi dan kaedah terbaik untuk menyokongnya adalah melalui pengurusan aliran tunai serta mengoptimalkan menerusi teknologi.

"Penyelesaian sumber manusia dan penggajian boleh menyediakan lebih banyak kemudahan dan tiba masanya untuk syarikat memanfaatkan teknologi yang ada seperti ini untuk menyediakan perkhidmatan lebih



Banyak syarikat memanfaatkan teknologi untuk mengatasi aliran tunai dan peningkatan kos buruh. (Foto hiasan)

baik," katanya.

Kaji selidik itu mendapati, walaupun majoriti pekerja bimbang dengan perkembangan itu, 86 peratus mengakui bahawa penggunaan teknologi adalah penting untuk melindungi masa depan perniagaan dan pelanggan.

Di samping itu, 100 peratus responden menyatakan bahawa mereka pernah menggunakan sekurang-kurangnya satu perisian untuk memberikan khidmat kepada pelanggan.

Bagaimanapun, purata penggunaan kerja manual, yang ditakrifkan sebagai dokumen digital atau kertas kerja yang perlu

disiapkan secara manual, kekal tinggi pada 63 peratus.

Kaji selidik Employment Hero mendapati bahawa responden dari Malaysia adalah 46 peratus lebih berkemungkinan untuk menghabiskan 75 peratus daripada masa mereka untuk kerja manual sambil memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

Angka itu menunjukkan bahawa syarikat kurang menggunakan perisian sedia ada, atau menggunakan perisian yang tidak sesuai dengan perniagaan mereka sehingga menyebabkan ada keperluan untuk mengisi jurang itu dengan proses manual.